

Diskusi Selasa Padat Dengan Nasihat dan Motivasi Diri

Oleh: Safiah Masbaka

RABU, 3 APRIL – Sebuah diskusi akidah bertajuk ‘Lailahailallah Muhamadurrasulullah Sebagai Suatu Cara Hidup Untuk Menolak Jahiliyyah’ telah berlangsung di Bilik Tayangan 2, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang dihadiri oleh sekurang-kurangnya 30 orang mahasiswa UMS.

Diskusi tersebut merupakan program ketiga seumpamanya yang berjalan secara berkala (dua minggu sekali) anjuran Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA) di bawah pentadbiran Hal Ehwal Pelajar (HEP) UMS.

Antara rangkuman diskusi tersebut termasuklah meningkatkan kesedaran dalam diri mahasiswa mengenai kejahilan yang masih wujud dalam masyarakat, sistem masyarakat, dan asas kekuatan sesebuah umat yang bertunjangkan akar yang kuat dan mampu memberi manfaat kepada persekitaran.

Menurut Pengerusi PEMBINA UMS, Ahmad Mukhlis bin Abdul Rahman, program Diskusi Selasa ini turut dilengkapi dengan aktiviti pendedahan ilmu, dan pendaftaran ahli baru dalam kalangan pelajar Islam.

Sambutan terhadap program tersebut oleh golongan mahasiswa UMS adalah memberangsangkan kerana ada sebahagian daripada mereka yang hadir dan menunggu lebih awal sebelum diskusi bermula. “Kalau tahun lepas kita sudah menganjurkan MLBH (Mahasiswa Luar Biasa Hebat), tapi tahun ini lebih banyak aktiviti yang berkala iaitu sebulan dua kali,” kata beliau.

Diskusi yang dikendalikan oleh penceramah undangan, Encik Muhammad Nazri bin Ismail, Pegawai Petronas Biro Dakwah ISMA (Ikatan Muslimin Malaysia) itu menyasarkan penyertaan daripada mahasiswa Islam di kampus UMS dan juga menggalakkan kehadiran pelajar dari agama lain.

PEMBINA yang sinonim dengan *tagline* “Meneraju Arus Mahasiswa” ini merupakan sebuah organisasi yang memfokuskan perjuangan golongan belia terutamanya mahasiswa dengan menyediakan pakej pembangunan jati diri yang lengkap dan bersungguh-sungguh dalam kalangan anggotanya agar setiap orang daripada mereka ‘berisi’ dan dapat membangunkan potensi diri.